

18/04/1997

PM mahu media adil, seimbang

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan media massa supaya mengamalkan kebebasan secara bertanggungjawab dan seimbang bagi mengelak penyalahgunaan kuasa atas nama demokrasi.

Menurutnya, media massa perlu menghormati pelanggan yang menyokong kewujudan mereka dengan membuat laporan adil kerana ia mendorong pelanggan membuat keputusan tepat.

Sambil mengakui kerajaan ada melakukan kesilapan, Perdana Menteri bagaimanapun berkata, ia mesti dilaporkan dengan perspektif yang betul demi kepentingan negara dan orang yang berurusan dengannya.

"Akhbar dan media sering mengecam kerajaan kerana menyalahgunakan kuasa ataupun kerana wujudnya amalan rasuah. Tetapi jika anda (media) melakukan sesuatu yang anda tahu tidak betul hanya kerana anda mempunyai kuasa, bukankah ianya rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa.

"Oleh itu, kebebasan patut dilaksanakan secara terhad sama ada di kalangan media massa atau dalam kerajaan sendiri bagi mengelak penyelewengan.

"Kerajaan tidak mempedulikan kritikan negara lain kerana dasar ini terbukti dapat menjauhi perbalahan rakyat pelbagai kaum dan membangunkan mereka dengan pesat," katanya ketika merasmikan pejabat biro akhbar kewangan Nihon Keizai Shimbun di sini hari ini.

Akhbar kewangan, yang lebih dikenali sebagai Nikkei itu beribu pejabat di Tokyo. Pejabatnya di sini ialah biro ke-12 akhbar berkenaan di Asia dan ke-31 di dunia.

Perdana Menteri berkata, media massa yang tidak bertanggungjawab selalu menggembar-gemburkan perkara negatif dan tidak melaporkan kebaikan yang pernah dibuat oleh kerajaan.

Tindakan itu mungkin menarik lebih ramai pembaca kerana ia bersifat sensasi tetapi pada masa yang sama ia membunuh minat pelabur kerana mendapat gambaran yang tidak betul.

"Saya yakin, pelabur dari Jepun tidak membaca akhbar dan laporan media Barat kerana jika tidak, sudah tentu mereka tidak datang ke negara ini. Media Barat tidak pernah menyiarkan laporan yang tepat mengenai Malaysia," katanya.

Dr Mahathir percaya kebebasan terhad tidak membunuh amalan demokrasi di negara ini walaupun ada media massa yang dilihat menyokong dasar kerajaan.

"Akhbar milik pembangkang selalu menghentam dan membuat tohmahan terhadap saya. Saya mempunyai pilihan untuk mendakwa mereka di mahkamah tetapi tidak berbuat demikian kerana saya percaya kepada kebebasan akhbar.

"Kejatuhan Kelantan kepada pembangkang juga adalah bukti kebebasan dan demokrasi masih terpelihara di negara ini. Jika tidak, macam mana (Datuk) Nik Aziz boleh menjadi Menteri Besar, dia mungkin tidak wujud langsung," katanya.

Perdana Menteri turut memberi contoh keadaan di Albania yang berpunca daripada keghairahan rakyatnya untuk mengamalkan demokrasi selepas kerajaan mengubah dasar pentadbiran.

"Di Malaysia, kita bersyukur kerana hanya sekali terbabit dalam rusuhan kaum iaitu pada 1969. Sehingga sekarang, kita tidak menghadapi masalah etnik kerana kita mengamalkan kebebasan dengan bertanggungjawab," katanya.

Perdana Menteri yakin pembukaan pejabat biro Nikkei di sini dapat menyediakan laporan yang tepat mengenai Malaysia kepada negara lain

terutama pelabur Jepun.

Menurutnya, 25 peratus daripada pelaburan di Malaysia adalah daripada usahawan Jepun dan ia dijangka meningkat berikutan keputusan kerajaan membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC) di sini.

(END)